

## FAEDAH *TAKHRĪJ* HADIS KEPADA SANAD DAN MATN: SATU KAJIAN ANALISIS

## BENEFITS OF *TAKHRĪJ* HADITH TO SANAD AND MATN: AN ANALITICAL STUDY

**A Irwan Santeri Doll Kawaid**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mel: a.irwan@usim.edu.my

**Amiruddin Mohd Sobali**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mel: amiruddin@usim.edu.my

**Ahmad Izzuddin Abu Bakar**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mel: izzuddin@usim.edu.my

### ABSTRACT

*Takhrīj* hadith is being considered as a process of disclosing the position of hadith in its premier sources. In this era, this process has become among the matters that are highly demanded to be carried out by various parties to those who are quoting the *hadith* of the Prophet SAW in their writings. Among the objectives of it is to ease the reader to find the location of the hadith and its source that were quoted from and to preserve the *hadith* of the Prophet SAW from being manipulated. Meaning that, it can be an evidence to prove that the *hadith* is truly has its relation to the Prophet SAW and not an invention. Hence, *Takhrīj* hadith was stressed and became an important matter. Apart from these benefits, there are other benefits related to the *Takhrīj* that can be obtained in many aspects, especially pertaining with the *matn* and *sanad*. This article aims to analyse those benefits as well as describe its positiveness to the *ummah* dan to the *hadith* itself.

**Keywords:** *Takhrīj*, hadith, benefit.

## 1. PENDAHULUAN

Ilmu *Takhrij* merupakan satu cabang ilmu baharu dalam ilmu Islam dan dalam ilmu hadis itu sendiri. Ia mula berkembang pada zaman ini sekitar tahun 1950an.<sup>1</sup> Meskipun begitu, ini tidak bermaksud bahawa ilmu ini adalah satu perkara baharu dalam dunia keilmuan Islam. Akan tetapi ia telah wujud dan berkembang sejak kurun ketiga hijrah lagi.<sup>2</sup> Namun *Takhrij Hadis* yang terdapat pada zaman dahulu adalah lebih kepada berbentuk amali dan tiada apa-apa penulisan pada zaman itu yang berkaitan sudut teorinya.<sup>3</sup> Pada zaman ini, teori ilmu ini mula banyak berkembang dan penulisan berkaitannya juga banyak dilakukan.<sup>4</sup>

Dari sudut etimologi, istilah '*Takhrij*' berasal dari kata kerja *kharaja* ( خَرَجَ ) yang bererti keluar.<sup>5</sup> Dari sudut estimologi pula ia bermaksud menunjukkan tempat hadis pada sumber asalnya yang mengeluarkannya dengan sanadnya dan menjelaskan statusnya ketika diperlukan.<sup>6</sup>

Ilmu ini amat diambil berat oleh sarjana Islam pada masa ini.<sup>7</sup> Hal ini kerana, pada zaman dahulu, kebenaran penisbahan sesuatu hadis kepada Nabi SAW dapat dikesan melalui wujud persambungan periwayatan antara setiap perawi yang terdapat dalam *sanad*. Justeru setiap perawi perlu diketahui bahawa dia menerima hadis yang diriwayatkannya daripada sumber atau gurunya secara bersambung. Jika terputus, kebenaran penisbahan hadisnya kepada Nabi SAW adalah diragui dan boleh ditolak.<sup>8</sup>

Selain itu, kebenaran penisbahan sesuatu hadis kepada baginda Nabi SAW pada zaman dulu juga dikesan melalui mengetahui kredibiliti para perawi yang meriwayatkannya. Jika mereka didapati tidak berkredibiliti atau kredibiliti mereka diragukan, maka penisbahan riwayat mereka kepada baginda Nabi SAW juga diragukan dan akan ditolak.<sup>9</sup>

Metode tersebut merupakan metode yang mapan dalam memelihara hadis Nabi SAW pada waktu itu kerana proses pembukuan masih berlaku. Namun pada zaman ini, setelah semua hadis

<sup>1</sup> Deraman, Fauzi (2001). "*Ilmu Takhrij Al-Hadith: Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya*. Jurnal Usuluddin 14, 55-64.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> al-Jawhari, Ismail bin Hammad (1982). *al-Shihah*. Beirut: Dar al-Mafayin, 310. Abu al-Hasan Ahmad bin Faris (1970). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Kahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi, 175-176. al-Fayruz Abadi, Muhammad bin Ya'kub (1987). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muasasah al-Risalah, 192.

<sup>6</sup> Al-Tahhan, Mahmud (1978). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim, 12.

<sup>7</sup> Sulton Sanad al- al-'Akayilah et al. (2004). *al-Wadhih fi Fann al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Amman: Dar al-Hamid, 17.

<sup>8</sup> Ibn Salah, 'Uthman bin 'Abd al-Rahman (2001). *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah, 13.

<sup>9</sup> Al-Sibai, Mustafa (1976). *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri al-Islami*. al-Maktab al-Islami, 108.

telah dibukukan dan tiada lagi periwayatan baru, maka metode itu menjadi kurang relevan. Metode pemeliharaan hadis Nabi SAW pada zaman ini adalah melalui metode baru iaitu *Takhrīj Hadis*. Melalui *Takhrīj*, hadis Nabi SAW dapat diketahui kebenaran penisbahannya kepada Baginda SAW, iaitu melalui bukti kewujudannya dalam mana-mana sumber ulama Islam. Dengan metode ini, hadis Nabi SAW dapat dipelihara daripada dimanipulasi dan didakwa berasal daripada Nabi SAW sedangkan tidak ditemui dalam mana-mana sumber ulama Islam kewujudannya. Dengan mengetahui ketiadaannya dalam sumber-sumber itu, dapat diketahui bahawa hadis tersebut adalah rekaan dan palsu.

Selain daripada faedah dapat memelihara hadis secara umum, terdapat faedah-faedah lain yang dapat diperolehi melaluinya. Faedah-faedah tersebut sama ada berkaitan dengan hadis secara umum atau berkaitan dengan *matan* atau *sanadnya* sahaja.

Artikel ini cuba mengupas tentang faedah-faedah yang boleh diperolehi melalui *takhrīj*. Di samping itu, ia juga akan cuba menjelaskan kesan positif *takhrīj* hadis sama ada kepada hadis secara umum atau kepada *matan* atau *sanadnya* sahaja.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Penelitian penulisan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan. Oleh yang demikian, karya-karya utama khususnya dalam disiplin *Ulum al-Hadith* dan ilmu *Takhrīj* akan dijadikan sebagai rujukan untuk mendapatkan data-data primer. Justeru, antara karya penting yang membincangkan tentang ilmu *Takhrīj* adalah seperti *Usul al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānid* oleh Mahmud Al-Tahhan dan *Ta'sil li Usūl al-Takhrīj* oleh Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd, Selain daripada itu, beberapa sumber lain turut menjadi rujukan pengkaji iaitu antaranya *al-Talkhis al-Habīr fi Takhrīj Ahādīth Syarh al-Wajiz al-Kabīr li al-Rafi'I*, *Takhrīj al-Hadīth Nasyatuh wa Manhajyyatuh* dan *Kayfa Nadrus 'Ilm al-Takhrīj*.

## 3. FAEDAH TAKHRĪJ TERHADAP SANAD DAN MATAN HADIS

Faedah *takhrīj* hadis dapat dikesan kepada ilmu hadis, sanad dan matannya melalui sudut-sudut berikut:

### 3.1 Dapat Memelihara Hadis Nabi SAW daripada Dimanipulasikan<sup>10</sup>

Apabila *takhrīj* hadis dengan menyatakan sumber asalnya diwajibkan ke atas setiap orang yang ingin menukilkan hadis, ia secara tidak langsung dapat mengelakkan hadis Nabi SAW

---

<sup>10</sup> al-Lahidan, Dakhil ibn Shalih (1422). *Thuruq al-Takhrīj bi Hasabi al-Rawi al-A'la*. Madinah: al-Jamiah al-Islamiyah, 92.

daripada dimanipulasikan. Hal ini kerana apabila sumber ambilan hadis perlu dibuktikan, hadis-hadis yang tidak mempunyai bukti sumber ambilan adalah diragukan dan dapat dielakkan penghujahan dengannya. Selain itu, melalui *takhrīj*, sumber yang hadis yang bermasalah dapat dikesan dan ditolak penisbahannya kepada Nabi SAW. Lebih menjamin ketepatan sesuatu kajian riwayat itu ialah apabila *takhrīj* mendedahkan kesilapan sebahagian kajian sanad yang dibuat secara tidak cermat, sehingga sesuatu sanad yang bermasalah diangkat ke tahap *hasan li gharihi* sebegitu mudah semata-mata memiliki banyak jalur sanadnya walhal semuanya bertaraf *dha'if jiddan*. Sikap bermudah-mudah ini mencerminkan ketiadaan asas disiplin dalam ilmu hadis serta memberi implikasi. Melalui proses *takhrīj* hadis Nabi SAW dapat dipelihara secara langsung daripada dimanipulasikan.

### 3.2 Dapat Memudahkan Pembaca Mengetahui Tata Letak dan Status Hadis

Selain faedah yang tadi, *takhrīj* juga dapat memudahkan pembaca mengesan tata letak hadis melalui maklumat *takhrīj* yang diberikan.<sup>11</sup> Selain itu, mereka juga dapat mengetahui status kesahihannya jika status tersebut dinyatakan. Inilah antara tujuan *takhrīj* yang diharapkan oleh pelbagai pihak, terutamanya pihak penerbit atau pengurusan penulisan ilmiah.<sup>12</sup> Di samping itu, sesuatu *takhrīj* itu perlulah bukan sahaja sekadar satu pernyataan terhadap sumber hadis, tetapi ia juga perlu mengandungi maklumat lengkap yang memudahkan pembaca untuk merujuk sumbernya.

### 3.3 Dapat Mendekatkan Umat Islam Dengan Hadis Nabi SAW

*Takhrīj* hadis dengan mencari sumber asalnya akan mendekat umat Islam kepada hadis Nabi SAW.<sup>13</sup> Hal ini kerana, *takhrīj* hadis membabitkan beberapa proses, antaranya proses merujuk dan memahami teks hadis.<sup>14</sup> Dalam proses mencari sumber asal hadis, bukan sahaja teks hadis yang dicari akan ditemui, tetapi pelbagai maklumat berkaitan hadis, seperti teks asal, maksud hadis, maklumat sumber, maklumat sanad, status, *tarīq* dan sebagainya akan ditemui.<sup>15</sup> Justeru, jika setiap orang, terutamanya orang yang ingin menukikan hadis diminta untuk melakukan *takhrīj*, secara tidak langsung dia akan lebih mengenali dan dekat kepada hadis Nabi SAW. Selain itu, pembaca yang membaca maklumat tersebut juga akan menjadi lebih dekat kepada hadis Nabi SAW jika mereka merujuk sumber-sumber tersebut.<sup>16</sup>

---

<sup>11</sup> Kawaid, A. I. S. D et al. (2018). *Keperluan Penyeragaman Gaya Penulisan Takhrij Bagi Penulisan Ilmiah: Satu Cadangan: Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 14(1). 69-75.

<sup>12</sup> Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd (1413). *Ta'sil li Usul al-Takhrīj*. Riyadh: Dar al-Ashimah, 71.

<sup>13</sup> *Ibid*, 69-70.

<sup>14</sup> al-Lahidan, Dakhil ibn Shalih (1422). *op.cit.*, 92.

<sup>15</sup> *Ibid*.

<sup>16</sup> Kawaid, A. I. S. D et al. (2018). *op.cit.*

Melalui proses *takhrīj* yang menghimpunkan seluruh galur sanad, memberi banyak faedah di dalam memahami sesuatu hadis secara kolektif, seperti mengetahui sebab penyebutan sesuatu hadis atau dikenali sebagai *sabab wurud al-hadis*, fikah tambahan terhadap sesuatu hukum hakam, pengajaran yang menyeluruh daripada hadis serta individu yang terbabit dalam kalangan sahabat di dalam penceritaan hadis.

### 3.4 Dapat Menyingkap *Mutāba'ah* dan *Syawāhid* Bagi Hadis dan Dapat Membuktikan Bahawa Ia Tidak Diriwayatkan Secara *Tafarrud* (Bersendiri)

*Mutāba'ah* adalah hadis yang turut diriwayatkan oleh perawi lain di peringkat selain sahabat yang hadis tersebut adalah diriwayatkan sama ada daripada guru yang sama atau guru yang berlainan. Jalur periwayatan mereka pula adalah bertemu pada seorang sahabat Nabi SAW yang sama. Dari sudut *matn*, hadis tersebut boleh sahaja mempunyai persamaan dari sudut lafaz dan maksud atau dari sudut maksud sahaja.<sup>17</sup>

*Syawāhid* pula adalah kata jamak bagi perkataan *syahid* yang secara istilahnya bererti perawi di peringkat sahabat yang turut meriwayatkan hadis yang sama dengan sahabat lain yang hadis tersebut disandarkan kepada Rasulullah SAW sendiri. Dari sudut matan, hadis tersebut juga boleh jadi mempunyai persamaan dari sudut lafaz dan maksud atau mempunyai persamaan dari sudut maksud sahaja.<sup>18</sup> Jalur *mutāba'ah* dan *syawāhid* juga dinamakan sebagai *tarīq* atau jalur periwayatan lain.

Terdapat hadis Nabi SAW yang mempunyai *mutāba'ah* dan *syawāhid* dan ada yang tidak. Ini bermaksud ada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh beberapa orang perawi dan ada juga yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja. *Mutāba'ah* dan *syawāhid* dapat memberi faedah menyokong sesuatu hadis agar diketahui bahawa ia diriwayatkan oleh ramai perawi.<sup>19</sup>

Dengan *takhrīj* hadis, iaitu dengan mengesan kedudukan dan sumbernya, jalur lain yang mempunyai *mutāba'ah* dan *syawāhid* hadis akan dapat dikesan. Selain itu, titik pertemuan mereka pada guru-guru mereka atau para sahabat juga akan dapat diketahui. *Mutāba'ah* dan *syawāhid* juga dapat membuktikan bahawa sesuatu hadis itu tidak diriwayatkan secara *tafarrud*. *Tafarrud* berasal daripada kalimat *fard* yang bermaksud: sendiri.<sup>20</sup> Maksud hadis yang diriwayatkan secara *tafarrud*

<sup>17</sup> Al-Jadi', Abdullah Yusuf (2003). *Tahrir Ulum al-Hadith*. Beirut: Muassasah al-Rayyan, 53.

<sup>18</sup> Tahhan, Mahmud (1984). *Taysir mustalah al-Hadith*. Maktabat Dar al-Turath, 177.

<sup>19</sup> *Ibid*.

<sup>20</sup> al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad (t.t). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. t.t.p.: Kitab al-Fa', 375.

adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi secara bersendirian tanpa terdapat perawi lain yang meriwayatkan seperti ini.<sup>21</sup>

Hadis yang dikatakan diriwayatkan secara *tafarrud* akan menimbulkan keraguan pada kesahihannya, terutamanya jika hadis tersebut diriwayatkan oleh seorang perawi yang tahap *dhabtnya* sederhana sahaja (*shaduq*).<sup>22</sup> Malah riwayat perawi yang di tahap *thiqah* pun terkadang boleh ditolak jika periwayatannya diriwayatkan secara *tafarrud*.<sup>23</sup> Terdapat beberapa hadis yang disangka pada awalnya diriwayatkan secara *tafarrud*, iaitu tidak mempunyai *mutāba'ah* atau *syawāhid*. Hal ini kerana secara kasar dilihat tidak terdapat perawi lain yang meriwayatkannya. Namun setelah dilakukan *takhrīj*, iaitu dengan mengesan kedudukan dan sumbernya, kemungkinan perawi lain yang turut meriwayatkannya boleh ditemui. Dengan ditemui perawi lain yang meriwayatkannya, hadis tersebut tidak lagi bersifat *tafarrud*.

Contoh hadis yang didakwa diriwayatkan secara *tafarrud*:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، وَمُحَمَّدُ بْنُ مُوسَى قَالَا: أَخْبَرَنَا حَمَّادٌ، يَعْنِي ابْنَ زَيْدٍ، عَنْ ثَابِتِ أَظْنُهُ، عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ عَالَ ابْنَتَيْنِ، أَوْ ثَلَاثًا، أَوْ أُخْتَيْنِ، أَوْ ثَلَاثًا حَتَّى يَبْنَ، أَوْ يَمُوتَ عَنْهُنَّ كُنْتُ أَنَا، وَهُوَ فِي الْجَنَّةِ كَهَاتَيْنِ". وَجَمَعَ حَمَّادُ بَيْنَ إِصْبَعَيْهِ السَّبَابَةَ وَالْوَسْطَى. 24.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bazaar dalam kitab musnadnya. Beliau berkomentar setelah meriwayatkannya dengan berkata: “Kami tidak mengetahui sesiapa yang meriwayatkan hadis ini daripada Thabit (al-Bunani) daripada Anas (bin Malik) kecuali Hammad bin Zaid.” Daripada komentar beliau, seolah-olah beliau mengatakan bahawa Hammad bin Zaid bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini daripada Thabit. Namun setelah melakukan *takhrīj*, didapati bahawa Hammad bin Zaid tidak bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Thabit kerana ditemui bahawa Imam Ahmad ada meriwayatkannya daripada Yunus (bin Muhammad) daripada Thabit.<sup>25</sup>

Selain faedah di atas, *mutāba'ah* dan *syawāhid* juga dapat membantu sesebuah hadis untuk diangkat status kesahihannya kepada status yang lebih baik. Penjelasan perkara tersebut akan terdapat dalam faedah yang berikut.

<sup>21</sup> A J Hamam (2008). *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi Aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah)*. Damsyiq: Dar al-Nawadir.

<sup>22</sup> Khalid Mansur al-Darisy (2021). *Tafarrud al-Rawi al-Shaduq bayna al-Qabul wa al-Tafarrud*. Retrieved from: <https://www.alukah.net/sharia/0/168/>.

<sup>23</sup> Yusof, Ahmad Zulkifli, and Umar Muhammad Noor (2020). *Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad ibn Hanbal*. HADIS 10.20, 573-584.

<sup>24</sup> Al-Bazzār, A. Amr Ibn 'Abd al-Khāliq (2009). *Musnad al-Bazzār*. Beirut and Madinah: Mu'asasat 'Ulūm al-Qur'ān, 289. Nombor hadis: 6866.

<sup>25</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Muasasah al-Risalah, 480. Nombor hadis: 12497.

### 3.5 Dapat Membantu Menentukan Status Sesuatu Hadis.

Ulama hadis bersepakat bahawa hadis-hadis *dhaif*, jika kedhaifannya jenis ringan dan terdapat *tarīq* lain yang meriwayatkan sepertinya, *tarīq* lain tersebut pula setaraf atau lebih kuat daripadanya, status hadis tersebut boleh diangkat menjadi *maqbul (hasan li ghairihi)*.<sup>26</sup> Justeru, jika terdapat satu hadis *dhaif* dan punca kedhaifannya diketahui jenis ringan, lalu terdapat *tarīq-tarīq* lain yang meriwayatkan sepertinya dan status *tarīq-tarīq* tersebut didapati setaraf atau lebih kuat daripadanya, maka hadis *dhaif* tersebut boleh dibantu untuk diangkat menjadi *hasan li ghairihi* dengan mendapat sokongan daripada *tarīq-tarīq* lain tersebut. Dengan *takhrīj*, *tarīq-tarīq* lain tersebut boleh ditemui.<sup>27</sup> Begitu juga halnya dengan hadis yang berstatus *hasan li zatihi*.

### 3.6 Dapat Membantu Menyingkap Pengurangan, *Idrāj*, Penambahan atau Percanggahan (*Syuzuz*) yang Terdapat Dalam Matan atau Sanad Sesuatu Hadis.

Terdapat hadis yang diriwayatkan dengan terdapat pengurangan, *idrāj*, penambahan, dan percanggahan (*syuzuz*) dengan hadis lain sama ada dari sudut matan atau sanadnya.<sup>28</sup> *Idrāj* adalah sesuatu ungkapan atau perkataan yang bukan daripada hadis Nabi SAW tetapi disebut dalam matan hadis secara bersambung tanpa terdapat pemisahan.<sup>29</sup> Kewujudan pengurangan, *idrāj*, penambahan dan percanggahan (*syuzuz*) tersebut dapat dikesan melalui *takhrīj*, iaitu dengan mengumpulkan *tarīq-tarīq* lain yang meriwayatkan hadis yang sama. Setelah *tarīq-tarīq* tersebut dibandingkan, akan ditemui pengurangan, penambahan, *idrāj* atau percanggahan (*syuzuz*) hadis itu dengan hadis lain. Jika pengurangan, *idrāj*, penambahan atau percanggahan (*syuzuz*) tersebut memberi kesan yang besar kepada kesahihan hadis, ia akan ditolak.

#### Contoh Terdapat Pengurangan Pada Sanad

حدثنا عباد بن موسى، حدثنا عباد بن العوام، عن شريك، عن سالم، عن سعيد بن جبير، قال: "كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يجهر بيسم الله الرحمن الرحيم."<sup>30</sup>

Hadis ini adalah *mursal* disebabkan perawinya yang meriwayatkannya daripada Nabi SAW, iaitu Sa'id bin Jubair adalah seorang *tabi'i*. Maksudnya terdapat seorang sahabat yang digugurkan atau tidak dinyatakan dalam sanad ini setelah beliau. Namun setelah melakukan *takhrīj*, didapati hadis ini juga diriwayatkan oleh ulama lain. Daripada riwayat tersebut dapat

<sup>26</sup> Al-Murtadha al-Zain Ahmad (1994). *Manahij al-Muhaddithin Fi Taqwiyah al-Ahaadith al-Hasanah wa al-Dhaifah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 77. Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (1997). *Nuzhah al-Nazar fi Taudhih Nukhbah al-Fikr*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, 129.

<sup>27</sup> Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd (1413), *op.cit*, 71.

<sup>28</sup> Abd al-Hadi, Abd al-Muhdi Abd-Qadir (2012). *Turuq Takhrīj Hadith Rasulillah SAW*. Kaherah: Dar al-Iman, 15-16.

<sup>29</sup> 'Itr, Nur al-Din (1992). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Damsyik: Dar al-Fikr, 439.

<sup>30</sup> Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath (1988). *Al-Marasil*. Beirut:, Muassasah Al-Risalah, 89. Nombor hadis: 34.

diketahui bahawa nama sahabat yang digugurkan itu adalah Ibn Abbas.<sup>31</sup> Dengan melakukan *takhrīj*, perkara tersebut dapat disingkap. Contoh terdapat *idrāj* pada matan:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ قَالَ: نا أَحْمَدُ بْنُ الْمِقْدَامِ الْعَجَلِيُّ قَالَ: نا مُحَمَّدُ بْنُ بَكْرٍ الْبُرْسَانِيُّ قَالَ: نا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ جَعْفَرٍ قَالَ: حَدَّثَنِي هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ مَسَّ ذِكْرَهُ، أَوْ رَفَعَهُ، أَوْ أَنْتَبَيْهِ فَلْيَتَوَضَّأْ وَضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ». "32

Dalam hadis ini terdapat kata-kata “أَوْ رَفَعَهُ، أَوْ أَنْتَبَيْهِ”. Kata-kata ini adalah satu *idrāj* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Daruqutni. *Idrāj* tersebut dapat diketahui apabila *tarīq-tarīq* lain bagi hadis ini dikumpulkan dan dibandingkan.<sup>33</sup> Melalui *tarīq-tarīq* tersebut, didapati bahawa ulama lain yang meriwayatkannya dengan *sanad* yang sama tidak meriwayatkannya dengan *idrāj* tersebut.<sup>34</sup> Contoh terdapat penambahan pada matan:

حدثني علي بن حجر السعدي، حدثنا علي بن مسهر، أخبرنا الأعمش، عن أبي رزين، وأبي صالح، عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إذا ولغ الكلب في إناء أحدكم فليرقه ثم ليغسله سبع مرار». "35

Maksudnya: “Apabila anjing menjilati bejana salah seorang daripada kamu, maka hendaklah dia membuangnya dan cucilah sebanyak tujuh kali.”

Terdapat perkataan “فليرقه” dalam hadis ini, Perkataan ini adalah satu penambahan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Mandah.<sup>36</sup> Hal ini juga dapat diketahui melalui *tarīq-tarīq* lain bagi hadis ini yang dikumpulkan dan dibandingkan. Melalui *tarīq-tarīq* tersebut didapati bahawa ulama lain yang meriwayatkannya dengan *sanad* yang sama tidak meriwayatkannya dengan penambahan tersebut.<sup>37</sup> Contoh terdapat percanggahan (*syuzuz*):

حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ أَبِي قَيْسٍ، عَنْ هُدَيْلِ بْنِ شُرْحَبِيلٍ، عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ، "أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الْجُوزَيْنِ وَالنَّعْلَيْنِ". "38

<sup>31</sup> Al-Tabrani, Ahmad bin Ayyūb (1983). *al-Mu'jam al-Kabir*. Mushul: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, 185. Nombor hadis: 11442.

<sup>32</sup> al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub (1999). *Al-Mu'jam al-Awsat*. 'Amman: Dar al-Fikr, 124. Nombor hadis: 1457.

<sup>33</sup> Al-Daruqutni, 'Ali bin 'Umar (1966). *Sunan al-Daruqutni*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 269. Nombor hadis: 536.

<sup>34</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit.*, 265. Nombor hadis: 2729. Abu Daud, Sulaiman al-Sajastani (1971). *Sunan Abu Daud*. Hims, 46. Nombor hadis: 181.

<sup>35</sup> Muslim bin al-Hajjaj (1419). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam, 234. Nombor hadis: 279.

<sup>36</sup> Ibn Hajar. Ahmad bin Ali al-Asqalani (1964). *Talkhis al-Habir*. Kaherah: Mu'assasat Qurtubah, 29.

<sup>37</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit.*, 415. Nombor hadis: 7447.

<sup>38</sup> Ibid, 144. Nombor hadis: 18206.



Maksudnya: “Rasulullah SAW berwuduk dan menyapu di atas dua *al-jaurab* (sarung kaki) dan selipar baginda SAW.”<sup>39</sup>

Hadis ini diriwayatkan dengan mengatakan bahawa Rasulullah SAW mengambil wudhu' lalu menyapu air di atas kedua stokin dan selipar baginda SAW. Ia diriwayatkan oleh Huzail bin Syurahbil melalui al-Mughirah bin Syu'bah. Namun setelah melakukan *takhrīj*, didapati bahawa hadis ini juga diriwayatkan oleh sekumpulan perawi lain daripada al-Mughirah bin Syu'bah. dengan lafaz:

أَنَّهُ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى خُفَيْهِ.<sup>40</sup>

Maksudnya: “Sesungguhnya dia (Rasulullah SAW) mengambil wuduk lalu menyapu di atas kedua khufnya”.

Berdasarkan riwayat mereka, didapati bahawa riwayat Huzail bin Syurahbil telah bercanggah dengan riwayat mereka dengan iaitu dengan mengandungi lafaz yang jauh berbeza. Dengan melakukan *takhrīj*, percanggahan tersebut dapat dikesan. Oleh kerana percanggahan tersebut memberi kesan yang besar kepada hadis itu, ia dianggap sebagai *Syaz* dan ditolak.

### 3.7 Dapat Membantu Menyingkap Kesilapan Hadis Dari Sudut Ejaan (التصحيف) dan susunan (التحريف)

Terdapat beberapa hadis yang diriwayatkan atau dinukilkan secara silap dari sudut ejaan (التصحيف) atau susunan (التحريف). Kesilapan tersebut boleh terjadi sama ada pada matan atau sanad hadis. Kesilapan-kesilapan tersebut bermungkinan tidak disengajakan. Dengan melakukan *takhrīj*, iaitu dengan mengumpulkan *tarīq-tarīq* lain bagi hadis yang sama atau dengan merujuk hadis tersebut pada teks asalnya, kesilapan-kesilapan tersebut akan dapat disingkap dan diketahui ejaan atau susunannya yang sebenar. Contoh kesilapan hadis dari sudut ejaan:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «تِلْكَ الْكَلِمَةُ مِنَ الْحَقِّ، يَحْفَظُهَا الْجَنُّ، فَيَقْرُؤُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ قَرَّ الرَّجَاجَةِ، فَيَخْلِطُونَ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ مِائَةِ كَذِبَةٍ.»<sup>41</sup>

Terdapat perkataan “قَرَّ الرَّجَاجَةِ” dalam hadis ini, Namun perkataan tersebut sebenarnya terdapat kesilapan pada ejaannya. Apabila dilakukan *Takhrīj*, didapati bahawa ejaan sebenar bagi

<sup>39</sup> Ibid, 144. Nombor hadis: 18206. Ibn Majah: Muhammad bin Yazid (t.t). *al-Sunan*. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Fikr, 185. Nombor hadis: 559. Abu Daud (1971), *op.cit*, 41. Nombor hadis: 159.

<sup>40</sup> Ibid, 38. Nombor hadis: 150. Al-Tabrani (1983), *op.cit*, 372. Nombor hadis: 867. Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husin al-Khurasani (2003). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmi, 424. Nombor hadis: 1346. Abu'Awanah, Ya'qub (1998). *Mustakhraj Abi 'Awanah*. Beirut: Dar al-Ma 'rifah, 528. Nombor hadis: 1977.

<sup>41</sup> Ibn Wahb (1996). 'Abd Allāh al-Jāmi' fī al-Ḥadīth. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī, 771. Nombor hadis: 692.

perkataan tersebut adalah “قَرَّ الدجاجة” dan bukannya “قَرَّ الرُّجَاجَةِ”.<sup>42</sup> Contoh kesilapan hadis dari sudut susunan:

حديث "رجل تصدق بصدقة فأخفاها حتى لا تعلم يمينه ما تنفق شماله." <sup>43</sup>

Maksudnya: “Seorang lelaki yang bersedekah dengan satu sedekah sehingga tangannya kanannya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kirinya.”

Terdapat kesilapan susunan pada hadis ini. Lafaznya yang sebenar adalah “Seorang lelaki yang bersedekah dengan satu sedekah sehingga tangannya kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya” sepertiman yang diriwayatkan oleh ulama lain.<sup>44</sup> Kesilapan seperti ini akan dapat dikesan dengan melakukan Takhrīj.

### 3.8 Dapat Membantu Mengumpulan Lafaz-Lafaz Hadis Yang Berlainan

Sesetengah hadis Nabi SAW yang diriwayatkan secara makna dan bukannya secara literal sepertimana Quran. Iaitu ia diriwayatkan dengan lafaz yang berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama. Apabila diriwayatkan secara makna, maka kepelbagaian lafaz akan wujud. Kepelbagaian lafaz tersebut terkadang dapat membantu dalam memahami maksud sebenar sesebuah hadis, terutamanya jika salah satu lafaznya, walaupun dengan sanad yang sahih, mengelirukan atau sukar difahami.<sup>45</sup> Hal yang demikian berkemungkinan disebabkan istilah atau ungkapan yang digunakan dalam hadis itu kurang difahami.<sup>46</sup> Disebabkan itu Imam Ahmad berkata: “Hadis, jika kamu tidak mengumpulkan tarīq-tarīqnya, kamu tidak akan memahaminya. Justeru itu ia saling menjelaskan.”<sup>47</sup>

Contoh riwayat yang saling menjelaskan:

Sabda Nabi SAW:

“إِثْمًا لِيُعَدَّبانِ فِي قُبُورِهِمَا، وَمَا يُعَدَّبانِ فِي كَبِيرٍ؛ كَانَ أَحَدُهُمَا يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ، وَالْآخَرُ لَا يَتَّقِي الْبُؤْلَ.”<sup>48</sup>

<sup>42</sup> Muslim (1419), *op.cit*, 1750. Nombor hadis: 2228.

<sup>43</sup> *Ibid*, 715. Nombor hadis: 1031.

<sup>44</sup> Opcit. Al-Bukhari, 133. Nombor hadis: 660. Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit*, 414. Nombor hadis: 9665.

<sup>45</sup> Al-Doori, Ayman (2018). *Ta'addud al-Riwayah fi al-Hadith al-Nabawi*. Journal of Artuklu Academia 5(1), 141-174.

<sup>46</sup> *Ibid*.

<sup>47</sup> Al-Khatib Al-Baghdadi, Ahmad bin Ali (1996). *Al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami'*. Beirut: Muassisah al-Risalah, 212.

<sup>48</sup> ‘Abd bin Humaid (1988). *al-Muntakhab min Musnad ‘Abd bin Humaid*. t.t.p: Maktabah al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 210. Nombor hadis: 620.

Maksudnya: "Kedua-dua mereka disiksa dalam kubur merea. Tetapi tidaklah kedua-dua mereka disiksa disebabkan melakukan dosa besar. Namun salah seorang daripada mereka selalu mengadu domba dan seorang lagi tidak bersuci daripada kencingnya."

Terdapat ungkapan “لَا يَنْقِي” dalam hadis ini. Kemungkinan maksud ungkapan ini kurang difahami dan kurang jelas. Namun apabila dilakukan Takhrij, didapati bahawa hadis ini juga diriwayatkan oleh beberapa ulama lain. Lafaz bagi ungkapan tersebut dalam riwayat mereka adalah “لَا يَسْتَنْزِرُهُ”<sup>49</sup> dan “لَا يَسْتَنْزِرِي”<sup>50</sup>. Dengan mengetahui lafaz-lafaz ini, berkemungkinan maksud lafaz tersebut dapat difahami.

### 3.9 Dapat Mengenalpasti Status Hadis<sup>51</sup>

Terdapat hadis yang status kesahihannya telah dinyatakan dalam sumber asalnya, iaitu oleh pengarang kitab itu sendiri. Dengan melakukan takhrij, iaitu dengan merujuk hadis pada sumber asalnya, komentar pengarang terhadap status kesahihan sesebuah hadis itu mungkin dapat ditemui.

### 3.10 Dapat Membantu Menyingkap Cara Periwayanan

Cara periwayanan adalah cara para perawi menerima hadis daripada guru-guru mereka. Terdapat beberapa cara periwayanan dalam disiplin ilmu hadis. Antaranya dengan guru membacakan hadis kepada muridnya, murid menerima hadis dengan dia membacakannya dihadapan gurunya, guru mengijazahkan kepada muridnya hadisnya dan pelbagai lagi. Ia dinamakan sebagai ‘*Turuq al-Tahammul wa al-Ada*’.<sup>52</sup> Setiap cara tersebut mempunyai ungkapan tertentu. Setiap ungkapan tersebut pula mempunyai signifikansi tertentu terutamanya bagi mengenalpasti cara persambungan periwayanan antara perawi dengan gurunya. Dengan melakukan takhrij, iaitu dengan menyemak teks asal hadis, cara periwayanan tersebut akan dapat dikesan.

### 3.11 Dapat Membantu Meyingkan Identiti Perawi

Terdapat perawi yang indentitinya tidak dinyatakan secara jelas atau ia disebutkan secara samar dalam sesebuah sanad hadis, iaitu sama ada hanya disebutkan gelaran, kunyah, nisbah atau nama perawi sahaja tanpa menyebutkan nama bapanya (المهمل), atau semua perkara tersebut tidak disebutkan langsung tetapi hanya terdapat ungkapan yang samar tentang identitinya (المبهم). Nama sebenar perawi terkadang perlu dikenalpasti terutamanya bagi mengetahui status kredibilitinya bagi tujuan melakukan kajian terhadap status kesahihan hadis. Dengan melakukan *takhrij*, iaitu

<sup>49</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit*, 441. Nombor hadis: 1980.

<sup>50</sup> Al -Nasai, Ahmad bin Syu'aib (1994). *Sunan al-Nasai*. Halab: Maktabah al-Makbu'at al-Islamiyyah, 106. Nombor hadis: 2069.

<sup>51</sup> Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd (1413), *op.cit*, 71.

<sup>52</sup> Ramli, Farhah Zaidar Mohamed, Latifah Abdul Majid, and Mohd Arif Nazri (2013). *Penerokaan Talaqqi Bersanad (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia*. Islamiyyat. 35.2, 67.

dengan mengumpulkan *tarīq-tarīq* lain, nama sebenar perawi mungkin dapat diketahui. Hal ini kerana kemungkinan salah satu *tarīq* yang meriwayatkannya ada menyatakan nama perawi secara lengkap dan jelas.<sup>53</sup> Contoh perawi *muhmal* yang tidak disebut namanya dengan lengkap:

حدثنا عبد القدوس بن محمد قال: حدثنا حجاج قال: حدثنا حماد، عن ثابت البناني، عن عبد الرحمن بن أبي ليلى، عن صهيب، قال: تلا رسول الله ﷺ هذه الآية: {لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ} [يونس: 26]، وقال: "إذا دخل أهل الجنة الجنة، وأهل النار النار، نادى نادى مناد: يا أهل الجنة إن لكم عند الله موعدا يريد أن ينجزكموه، فيقولون: وما هو؟ ألم يثقل الله موازيننا، ويبيض وجوهنا، ويدخلنا الجنة، وينجنا من النار؟ قال: فيكشف الحجاب، فينظرون إليه، فوالله ما أعطاهم الله شيئا أحب إليهم من النظر - يعني إليه - ولا أقر لأعينهم".<sup>54</sup>

Dalam sanad hadis ini terdapat nama seorang perawi yang tidak lengkap, iaitu Hammad. Nama beliau tidak lengkap kerana tidak dinyatakan nama bapanya. Justeru, tidak dapat dipastikan indentitinya yang sebenar. Namun, setelah dilakukan *takhrīj*, iaitu dengan mengumpulkan *tarīq-tarīq* lain bagi hadis ini, didapati bahawa nama lengkap beliau adalah Hammad bin Salamah sepertimana yang terdapat dalam *sanad* riwayat berikut.

حدثنا عبید الله بن عمر بن میسر، قال: حدثني عبد الرحمن بن مهدي، حدثنا حماد بن سلمة، عن ثابت البناني، عن عبد الرحمن بن أبي ليلى، عن صهيب، عن النبي ﷺ قال: " إذا دخل أهل الجنة الجنة، قال: يقول الله تبارك وتعالى: تريدون شيئا أزيدكم؟ ألم تبيض وجوهنا؟ ألم تدخلنا الجنة، وتنجنا من النار؟ قال: فيكشف الحجاب، فما أعطوا شيئا أحب إليهم من النظر إلى ربه عز وجل ".<sup>55</sup>

### 3.12 Dapat Membantu Mengetahui *Sabab Wurud* Hadis

*Sabab wurud* hadis adalah punca, peristiwa atau kisah di sebalik sesuatu hadis diucapkan, dilakukan atau diperakuan.<sup>56</sup> Terdapat hadis Nabi SAW yang mempunyai *sabab wurud* atau punca ia diucapkan, dilakukan atau diperakuan dan ada yang tidak.<sup>57</sup> Hadis yang mempunyai *sabab wurud* pula tidak semuanya diriwayatkan dengan menyatakan *sabab wurud*nya. Tetapi biasanya dipisahkan. Hal ini kerana sesetengah riwayat yang mempunyai *sabab wurud* terkadang diriwayatkan dengan sanad yang tidak mencapai tahap piawaian kesahihan tertentu. Maka ia tidak

<sup>53</sup> Al-Badr, Ahamd Ayisy (2006). *Ahammiyah takhrij al-Hadith al-Nabawi al-Syarif wa Dirasah Asanidihi*. Hady Islam. 59.5, 31.

<sup>54</sup> Ibn Majah (t.t), *op.cit*, 61877. Nombor hadis: 1980.

<sup>55</sup> Muslim (1419), *op.cit*, 163. Nombor hadis: 297.

<sup>56</sup> Manas, Shayuti Abdul, dan Muhammad Siddiq Muhammad Ibrahim (2016). *‘Ilm Asbab Wurud Hadith: Dirasah Washfiyyah*. Ma‘alim al-Qur‘ān wa al-Sunnah 11.12, 11.

<sup>57</sup> Ali, Muhammad (2016). *Asbab Wurud al-Hadits. Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis* 6.1, 85.

dinyatakan. Namun meskipun begitu, ini bukan bermaksud bahawa semua riwayat yang mempunyai *sabab wurud* itu *dhaif* yang tidak boleh diterima langsung. Malah terkadang terdapat *sabab wurud* yang diriwayatkan dengan sanad yang *dhaif* tetapi dapat diterima dengan pertimbangan tertentu. *Sabab wurud* terkadang perlu diketahui agar dapat membantu dalam memahami maksud sesebuah hadis.<sup>58</sup> Dengan melakukan *takhrīj*, iaitu dengan mengumpulkan *tarīq-tarīq* lain bagi sesuatu hadis, *sabab wurud* sesuatu hadis dapat ditemui kerana kemungkinan terdapat *tarīq* lain yang ada menyatakan *sabab wurud* sesuatu hadis itu.

### 3.13 Menerangkan Perkataan Yang *Gharib*

Perkataan *Gharib* ialah perkataan yang samar-samar maknanya dan sukar difahami.<sup>59</sup> Ia memerlukan kepada penelitian yang mendalam untuk mendapatkan maksud yang tepat. Keadaan ini berlaku kerana beberapa faktor. Antaranya perkataan tersebut amat jarang digunakan, perbezaan dialek yang menyebabkan ia digunakan di sesetengah tempat sahaja, penggunaan pada zaman yang tertentu dan lain-lain.<sup>60</sup> Para sarjana menegaskan kepentingan mengetahui perkataan-perkataan jenis ini untuk mengelakkan salah faham terhadap hadis seterusnya membawa salah faham terhadap agama.<sup>61</sup>

Ibn al-Salah menyatakan: ilmu ini penting, buruk jahil akannya oleh ahli hadis khususnya, dan ilmuan umumnya, mendalaminya bukan perkara yang mudah, orang yang mendalaminya mesti meneliti dan patut berhati-hati. Manakala Imam Ahmad berkata apabila dtanya orang berkenaan perkataan di dalam hadis: tanyalah orang yang arif tentang *gharib* hadis, sesungguhnya aku benci bercakap pada sabda Rasulullah dengan sangkaan lalu aku melakukan kesalahan<sup>62</sup>.

Takhrīj Hadis dapat membantu menerangkan perkataan-perkataan *gharib* yang terdapat di dalam matan hadis. Ini kerana sebahagian perawi akan bertanya mengenai maksud sesuatu perkataan yang tidak difahami. Penerangan ini pula hanya terdapat di dalam sebahagian riwayat. Antara contoh ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: مِنْبَرِي هَذَا عَلَى تُرْعَةٍ مِنْ تُرْعِ الْجَنَّةِ

Maksudnya: daripada Abu Hurairah, bahawa Nabi SAW bersabda: “Mimbarku ini berada di atas salah satu *tur‘ah* syurga.”<sup>63</sup>

<sup>58</sup> Ibid, 26.

<sup>59</sup> Shayuthy Abdul Manas dan Mohammed D. Timezghine (2013). *Dhawabit al-Ta'amul ma'a Gharib al-Hadith al-Nabawi. al-Tajdid.17(34)*, 127-151.

<sup>60</sup> Weheliye, Mohamed Hussein, and Fadlan Mohd Othman (2020). *Ahammiyyah Ma'rifah Gharib al-Hadith al-Nabawi al-Syarif. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah 5.1*, 39-53.

<sup>61</sup> Muhammad Sadiq bin Hussain (2002). *Abjad al-'Ulum*. Beirut, Dar Ibn Hazm, 451.

<sup>62</sup> Ibn al-Salah (1986). *Ma'arif al-Anwa'a 'Ilm al-Hadith*, Beirut, Dar al-Fikr, 272.

<sup>63</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit*, 337. Nombor hadis: 8721.

Perkataan 'tur'ah' dikategorikan sebagai perkataan *gharib*. Ia memerlukan kepada huraian dan penjelasan. Ini dapat difahami dengan melihat kepada riwayat-riwayat yang lain seperti riwayat di dalam Musnad Ibn al-Ja'ad:

حدثنا أبو حازم عن سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
تُرْعَةً مِنْ تَرَعِ الْجَنَّةِ، قَالَ:  
قُلْتُ: يَا أَبَا الْعَبَّاسِ مَا التُّرْعَةُ قَالَ: بَابٌ مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ.

Maksudnya: Abu Hazim berbicara kepada kami daripada Sahl bin Saad, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Mimbarku ini berada di atas salah satu *tur'ah* syurga.” Dia (Abu Hazim) berkata: aku telah berkata: wahai Abu al-Abbas (Sahl), apakah ia al-Tur'ah. Dia berkata: “Salah satu pintu daripada pintu-pintu syurga.”<sup>64</sup>

#### 4. KESIMPULAN

*Takhrīj* hadis merupakan suatu metode yang mampan dan relevan dalam memelihara hadis Nabi SAW di zaman ini. Hal yang demikian kerana, melalui *takhrīj*, mereka yang ingin menukikan sesuatu hadis atau sesuatu teks perlu membuktikan bahawa ia mempunyai sumber rujukan sebenar. Dengan itu, hadis Nabi SAW bukan sahaja dapat dirujuk, tetapi dapat dipelihara daripada dimanipulasikan. Selain faedah itu, terdapat pelbagai faedah lain yang dapat diperolehi melaluinya. Faedah-faedah tersebut sama ada berkaitan dengan hadis secara umum atau berkaitan dengan matan atau sanadnya sahaja. Faedah-faedah tersebut seperti dapat membantu menyingkap *mutāba'ah* dan *syawāhid*, pengurangan, *idrāj*, penambahan atau percanggahan (*syuzuz*) yang terdapat dalam matan atau sanad serta pelbagai lagi. Faedah-faedah ini membuktikan bahawa *takhrīj* merupakan satu metode yang sangat mustahak untuk diketahui dan dimanfaatkan bukan sahaja oleh mereka yang dalam terlibat dalam bidang hadis atau penyelidikan, tetapi juga semua umat Islam. Selain faedah-faedah yang dikemukakan, berkemungkinan terdapat faedah-faedah lain yang ditemui oleh penyelidik lain tetapi tidak disebutkan dalam artikel ini.

#### REFERENCES

- [1] 'Abd bin Humaid (1988). *al-Muntakhab min Musnad 'Abd bin Humaid*. Tahqiq: al-Sayyid Subhi al-Badri al-Samira'i & Mahmud Muhammad Khalil al-Sa'idi. t.t.p: Maktabah al-Nahdah al-'Arabiyyah.

<sup>64</sup> Ali bin al-Ja'ad (1990). *Musnad Ibn al-Ja'ad*. Tahqiq 'Amir Ahmad Haidar, Beirut: Muassasah Nadir, 431. Nombor Hadis: 2938.

- [2] 'Abd al-Hadi, Abd al-Muhdi Abd –Qadir (2012). *Turuq Takhrij Hadith Rasulillah SAW*. Kaheerah: Dar al-Iman.
- [3] 'Itr, Nur al-Din (1992). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- [4] Abu 'Awanah, Ya'qub (1998). *Mustakhraj Abi 'Awanah*. Tahqiq: Ayman 'Arif al-Damsyiqi. Beirut: Dar al-Ma 'rifah.
- [5] Abu al-Hasan Ahmad ibn Faris.(1970). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Tahqiq: 'Abd al-Salam Harun. Kahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- [6] Abu Daud. Sulaiman bin al-'Asy'ath al-Sajastani (1988). *al-Marasil*. Tahqiq Shuaib Al-Arnaut, Beirut:, Muassasah Al-Risalah.
- [7] Abu Daud, Sulaiman bin al-'Asy'ath al-Sajastani (1971). *Sunan Abu Daud*. Tahqiq: Izzat Ubayd al-Daas. Hims.
- [8] Ahmad bin Hanbal (2001). *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Tahqiq Syuib Arnout, 'Adil Mursyad & lain-lain, Beirut: Muasasah al-Risalah.
- [9] A J Hamam (2008). *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihni Aw Raddihni (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah)*. Damsyiq: Dar al-Nawadir.
- [10] Al-Badr, Ahamd Ayisy (2006). *Ahammiyah takhrij al-Hadith al-Nabawi al-Syarif wa Dirasah Asanidihi*. Hady Islam.
- [11] Al-Bazzar, A. Amr Ibn'Abd al-Khaliq (2009). *Musnad al-Bazzār*. Beirut and Madinah: Mu'asasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- [12] Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husin al-Khurasani (2003). *al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad Abdul al-Qadir 'Ata', Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmi.
- [13] Al-Doori, Ayman (2018). *Ta'addud al-Riwayah fi al-Hadith al-Nabawi*. Artuklu Akadem.
- [14] Al-Daruqutni, 'Ali bin 'Umar (1966). *Sunan al-Daruqutni*. Tahqiq: Abdullah Hashim al-Madani. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [15] al-Fayruz Abadi, Muhammad bin Ya'kub (1987). *Al-Qamus al-Muhit*, Beirut: Muasasah al-Risalah.
- [16] Al-Jadi', Abdullah Yusuf (2003). *Tahrir Ulum al-Hadith*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.

- [17] al-Jawhari. Ismail bin Hammad (1982). *al-Shihah*. Tahqiq: Ahmad 'Abd al-Ghafur 'Attar. Beirut: Dar al-Mafayin.
- [18] Al-Khatib Al-Baghdadi, Ahmad bin Ali (1996). *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami'*. Tahqiq: Muhammad Ajjaj al-Khatib. Beirut: Muassisah al-Risalah.
- [19] al-Lahidan, Dakhil ibn Shalih (1422). *Thuruq al-Takhrij bi Hasabi al-Rawi al-A'la*. Madinah: al- Jamiah al-Islamiyah.
- [20] Al-Murtadha al-Zain Ahmad (1994). *Manahij al-Muhaddithin Fi Taqwiyah al-Ahaadith al-Hasanah wa al-Dha'ifah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- [21] Al-Nasa'i, Ahmad bin Syu'aib (1994). *Sunan al-Nasa'i*. Tahqiq: Abu Ghuddah, Halab: Maktabah al-Makbu'at al-Islamiyyah.
- [22] al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad (t.t). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, t.t.p.: Kitab al-Fa'.
- [23] Al-Sibai, Mustafa (1976). *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri al-Islami*. al-Maktab al-Islami, (1976).
- [24] Al-Tahhan, Mahmud (1978). *Usul al-Takhrīj wa Dirasah al-Asanid*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- [25] Al-Tabrani, Ahmad bin Ayyūb (1983). *al-Mu'jam al-Kabir*. Tahqiq oleh: Hamdī bin 'Abd al-Hamīd al-Salafi, Mushul: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- [26] al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub (1999). *Al-Mu'jam al-Awsat*. Tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il al-Shafi'i. 'Amman: Dar al-Fikr.
- [27] Al-Tahhan, Mahmud (1978). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- [28] Tahhan, Mahmud (1984). *Taysir mustalah al-Hadith*. Maktabat Dar al-Turath.
- [29] Ali bin al-Ja'ad,(1990). *Musnad Ibn al-Ja'ad*. Tahqiq 'Amir Ahmad Haidar, Beirut: Muassasah Nadir.
- [30] Ali, Muhammad (2016). *Asbab Wurud al-Hadits*. Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis 6.1.
- [31] Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd (1413). *Ta'sil li Usul al-Takhrīj*. Riyadh: Dar al-Ashimah.



- [32] Deraman, Fauzi (2001). *"Ilmu Takhrīj al-Hadith: Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya"*. Jurnal Usuluddin 14.
- [33] Ibn Hajar, Ahmad bin Ali al-Asqalani (1964). *Talkhis al-Habir*. Kaherah: Mu'assasat Qurtubah. (1964).
- [34] Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (1997). *Nuzhah al-Nazar fi Taudhih Nukhbah al-Fikr*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- [35] Ibn Majah, Muhammad bin Yazid (t.t). *al-Sunan*. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Fikr.
- [36] Ibn Wahb. 'Abd Allah (1996). *al-Jami' fi al-Hadith*. Tahqiq: Muṣṭafaa Ḥasan Ḥusayn Muḥammad Abū al-Khayr. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.
- [37] Ismail bin Hammad al-Jawhari (1982). *al-Sihah*. Tahqiq: Ahmad 'Abd al-Ghafur 'Attar. Beirut: Dar al-Mafayin.
- [38] Kawaid, A. I. S. D., Z. Mohamed Nor, A. Mohd Sobali, and M. Z. Mohd Amin (2018). *Keperluan Penyeragaman Gaya Penulisan Takhrīj Bagi Penulisan Ilmiah: Satu Cadangan: Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah, 14* (1).
- [39] Khalid Mansur al-Darisy (2021). *Tafarrud al-Rawi al-Shaduq bayna al-Qabul wa al-Radd*. Retrieved from: <https://www.alukah.net/sharia/0/168/>.
- [40] Manas, Shayuti Abdul, dan Muhammad Siddiq Muhammad Ibrahim (2016). *'Ilm Asbab Wurud Hadith: Dirasah Washfiyyah*. Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah 11.12.
- [41] Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abad'i (2004). *Takhrīj al-Hadith: Nasy'atuhu wa Manhajyyatuhu*. Deoband: Ittihad Book.
- [42] Muhammad Mahmud Bakkar (1997). *Ilm Takhrīj al-Ahadith: Usuluhu, Taraiquhu, Manahijuhu*. Riyadh: Dar Taybah.
- [43] Muhammad Sadiq bin Hussain (2002). *Abjad al-'Ulum*, Beirut, Dar Ibn Hazm.
- [44] Muslim, Muslim bin al-Hajjaj (1419). *Shahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- [45] Ramli, Farhah Zaidar Mohamed, Latifah Abdul Majid, and Mohd Arif Nazri (2013). *Penerokaan Talaqqi Bersnad (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia*. Islamiyyat. 35.2.
- [46] Shayuthy Abdul Manas dan Mohammed D. Timezghine (2013). *Dhawabit al-Ta'amul ma'a Gharib al-Hadith al-Nabawi. al-Tajdid*. 17(34).

- [47] Sul-ton Sanad al- al-'Akayilah et al. (2004). *al-Wadhih fi Fann al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Amman: Dar al-Hamid.
- [48] Weheliye, Mohamed Hussein, and Fadlan Mohd Othman (2020). *Ahammiyyah Ma'rifah Gharib al-Hadith al-Nabawi al-Syarif. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 5.1.
- [49] Yusof, Ahmad Zulkifli, and Umar Muhammad Noor (2020). *Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad ibn Hanbal*.